

18/12/1998

Y2K: Ramai pengusaha IKS tidak sedar

KUALA LUMPUR, Khamis - Masih ramai pengusaha syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tidak sedar mengenai masalah pepijat alaf atau Tahun 2000 (Y2K), sedangkan tempoh bagi mengatasinya hanya tinggal 380 hari lagi.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Chan Kong Choy, berkata setakat ini kementerian hanya menerima maklum balas 49 syarikat IKS atau kurang tujuh peratus daripada 800 surat yang dikeluarkan berhubung tindakan menangani Y2K.

"Maklum balas yang kurang menggalakkan itu menunjukkan kesedaran syarikat IKS menangani Y2K serta kesannya masih kurang."

"Kementerian menggesa semua syarikat terbabit supaya mengambil perhatian serius walaupun mereka menggunakan satu atau dua komputer saja," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Y2K di sini, hari ini.

Seminar yang disertai 100 peserta itu bertujuan meningkatkan kesedaran di kalangan pengusaha IKS mengenai pemasalahan Y2K yang dianggap kritikal.

Masalah Y2K berpunca daripada kegagalan sistem untuk mentakrif hari pertama pada tahun 2000 kerana sistem perisian dan perkakasan diprogram untuk mengenal pasti hanya dua angka.

Contohnya, 1997 ditakrif sebagai 97. Pada 1 Januari 2000, sistem komputer yang tidak dibetulkan akan mentakrifnya sebagai 1 Januari 1900 berdasarkan dua angka terakhir.

Chan menggesa syarikat IKS menggunakan sepenuhnya pelbagai kemudahan sama ada dari segi kewangan mahupun khidmat nasihat yang disediakan kerajaan bagi membantu menangani pemasalahan itu.

Menurutnya, Tabung IKS sebanyak RM1.5 bilion yang disediakan Bank Negara juga boleh diguna untuk membiayai program menangani Y2K.

Selain itu, peruntukan tambahan RM100 juta pada Belanjawan 1999 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Kerajaan juga sedang berbincang dengan Bank Dunia untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai program menangani masalah itu.

Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Smidec) yang bertanggungjawab terhadap pembangunan usahawan kategori kecil dan sederhana juga sudah mewujudkan pasukan petugas khas bagi membantu syarikat menghadapi ancaman Y2K.

Menurut Chan, kerajaan mengambil inisiatif serius untuk menangani Y2K di kalangan IKS kerana sektor itu memberi sumbangan besar kepada pengeluaran negara dan menyokong kegiatan syarikat multinasional.

Bagaimanapun, katanya, maklum balas yang diterima daripada syarikat terbabit terhadap inisiatif itu tidak menggalakkan.

"Kemudahan sudah ada. Masalahnya ialah sikap dan tahap kesedaran yang masih rendah di kalangan pengusaha IKS. Kita harap semua pihak dapat bekerjasama supaya tiada lagi yang mengambil sikap sambil lewa," katanya.

(END)